

## ULASAN BUKU

*Higher Learning in Islam: The Classical Period, 700 A.D. to 1300 A.D.*, Charles M. Stanton, Savage, Md.: Rowman and Littlefield, 1990. 224 hal.

Tujuan Charles Michael Stanton menulis buku tentang pendidikan tinggi Islam di zaman klasiknya (lebih kurang 700-1300M) menurut katanya sendiri, bukan untuk sarjana Islam tetapi untuk ahli akademik dan pendidik Barat 'amnya. Beliau memberi keterangan tentang sistem pendidikan dan pemindahan ilmu, kedua-dua ilmu akhirat dan ilmu duniawi, ketika ia berkembang dengan pesat sekali pada apa yang beliau kira sebagai "zaman keemasan" Islam, iaitu sebelum serangan dari Asia Tengah dan Turki yang mengakibatkan kemunduran budaya dunia Islam. Di sebalik matlamat akademik yang jelas ini, tersirat satu lagi matlamat: menuntut golongan Barat untuk mengaku hutang budaya dan intelektual mereka kepada Islam dan peradabannya. Kisah yang diperihalkannya adalah cerita biasa, walaupun dia merujuk kepada hasil kesarjanaan yang terkini untuk mengemukakan pandangan bahawa Barat berhutang lebih daripada sekadar pemindahan ilmu klasikal kepada Islam; beliau menegaskan bahawa kemajuan saintifik yang kukuh, corak intelektual yang canggih, dan hatta mungkin juga kerangka institusi pengajian tinggi dunia Islam semuanya telah disalurkan kepada peradaban Eropah semasa Zaman Pertengahan.

Stanton mengkaji dua isu pokok: institusi pengajian tinggi khususnya secara mendalam pengajian ilmu agama dan perundangan; dan pemindahan - apa yang dipanggil oleh umat Islam sendiri - sains lama atau sains asing, iaitu sains rasional dan tabi'i yang mereka warisi daripada peradaban Hellenistik dan Parsi yang kemudiannya disalurkan ke dunia Barat Kristian. Bagi perkara pertama, penulis menggunakan argumen daripada karya George Makdisi, sejarawan pendidikan Islam Zaman Pertengahan yang terkenal.<sup>1</sup> Maudhu' pokok dalam hal ini ialah perkembangan institusi madrasa, sekolah yang memberi tumpuan kepada latihan dan pendidikan golongan yang mahir dalam hukum atau perundangan Islam. Madrasa ini adalah institusi persendirian dalam ertikata ia mendapat peruntukan perbelanjaan dari usaha dan kebajikan seseorang individu dan bukan dari kerajaan, dan ia menjadi institusi pengajian tinggi yang paling popular dalam dunia Islam semasa kurun kese-belas dan kedua-belas. Dua aspek sejarah madrasa telah ditonjolkan dalam buku Stanton. Pertama ialah peminggiran sains tabi'i dan aqliyah dalam kurikulum madrasah yang lebih berpihak kepada fiqh, perundangan and subjek keagamaan, satu fakta yang dilihat oleh penulis sebagai penyumbang kepada kemerosotan dalam mutu pembelajaran dan pengajaran umat Islam sedikit demi sedikit dalam ilmu-ilmu tertentu seperti falsafah dan sains tabi'i di peringkat akhir Zaman Pertengahan.

Perkara kedua ialah pandangan beliau bahawa penubuhan institusi pengajian tinggi Islam secara persendirian ini mungkin memberi impak kepada perkembangan kolej dalam pertumbuhan awal universiti Eropah Zaman Pertengahan itu. Tesis yang provokatif dan penuh kontroversi ini juga terbit dari karya Makdisi. Ada tempat tertentu Stanton agak menerima tesis ini (h. 39), tetapi di tempat lain beliau menganggap hubungan itu agak terlalu lemah (h. 171). Pembaca bukan pakar haruslah berhati-hati di sini.

Tema kedua buku ini agak sudah dikenali oleh pembaca Barat, iaitu pemindahan tradisi sains tabi'i dan falsafah yang diwarisi daripada Zaman Yunani Kuno oleh sarjana Islam. Stanton meninjau kejayaan unggul peradaban Islam dalam bidang ini: kedinamikan intelektual istana Abbasiyyah di Baghdad; projek penterjemahan gergasi teks Yunani dan Syria klasik ketika mana Al-Ma'mun membayar upah emas seberat setiap halaman yang diterjemah ke dalam bahasa Arab kepada ahli perubatan Kristian Nestorian; sumbangan sarjana Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina (Avicenna), dan Ibn Rushd (Averroes) kepada ilmu sains dan falsafah. Penulis menunjukkan dengan panjang lebar bahawa peradaban Islam Zaman Pertengahan bukan sekadar saluran pasif dalam transmisi ilmu klasikal dan Hellenistik ke Barat tetapi mereka juga membuat sumbangan besar kepada bidang keilmuan dan usaha intelek manusia..

Buku ini mempunyai nilai yang tinggi bagi mereka yang bukan mengkhusus dalam bidang ini dalam mengingatkan mereka tentang keagungan peradaban Islam klasikal dan kepentingan sumbangan sarjana Islam kepada Barat. Pada era yang mana wujud ketegangan yang meruncing antara dunia Islam dan Barat, usaha seperti ini yang merapatkan jurang budaya antara keduanya dan mengingatkan kita kepada akar umbi yang sama, wajar dipuji. Bagaimanapun, kita perlu ingat bahawa buku ini bergantung hampir sepenuhnya kepada sumber sekunder. Kebanyakan rujukan dalam nota dan bibliografi merupakan berkaliber tertinggi, dan Stanton telah memberi satu khidmat yang besar bagi golongan bukan pakar yang sukar mencapai karya sarjana seperti Makdisi. Bagaimanapun karya lain yang beliau rujuk tidaklah sama kualitinya. Kesannya, wujud kekurangan jarak kritis dalam karyanya. Penulis terpaksa bergantung kepada penafsiran penulis-penulis yang karya mereka beliau rujuk. Tanpa rujukan kepada sumber Islam yang asli, pembaca kadang-kadang terpaksa berhadapan dengan gambaran yang mengelirukan. Misalnya, penulis mengenal pasti bahawa al-Qur'an mewajibkan penuntutan ilmu, mengkaji alam tabi'i; sebab semua fenomena adalah aspek yang berkait kepada ciptaan Tuhan, "*knowledge about any object in the world ought to . . . lead to the Divine Logos and God*" (h. 96). Menurut Stanton Al-Qur'an, "*enjoins one to pursue knowledge as a means of salvation*"; lebih tepat lagi ia "*encouraged the use of rationalism - the hallmark of Greek thought - and mandated that all should explore creation to understand more fully how its interrelated parts manifest the harmonious*

*nature of God*" (h. 97). Sudah tentu hujah seperti ini boleh dan sudah pun dibuat oleh individu dari ahli Tasawwuf Zaman Pertengahan yang dipengaruhi oleh spekulasi Gnostic dan pemikiran Neo-Platonik, sehinggalah ke golongan Islam modernis abad kedua-puluh, yang sebahagiannya merupakan sumber rujukan beliau. Tetapi ini adalah sebenarnya hujah teologi dan bukan berdasarkan sejarah. Ia tidak mencerminkan sikap penerimaan Islam yang sejagat bagi seluruh Islam, pada zaman klasik mahupun zaman lain. Pembaca yang melihat keseluruhan kegiatan saintifik Islam klasik dalam terma ini, yang diberitahu bahawa tradisi saintifik mencapai kemuncaknya dalam spekulasi teosofi Ibn 'Arabi pada kurun kedua-belas dan ketiga-belas, dan "*this world view-part mystical, part physical-determined the curriculum of higher education institutions from the eleventh century*" (h. 101), akan keluar dengan pandangan tradisi intelektual Islam yang provokatif tetapi agak serung.

Kesilapan yang amat jelas kepada pakar sejarah Islam akan mengelirukan pembaca yang kurang bersedia. Hadith yang masyhur yang disabitkan kepada Nabi Muhammad, "*My community will never agree upon an error* [Umatku tidak akan bersetuju atas sesuatu yang silap]," telah disabitkan dengan ayat al-Quran (h. 23). Perbincangan tentang *Dur al-Hikma* (h.132), "Rumah yang mengandungi kebijaksanaan" yang ditubuhkan oleh khalifah Fatimiyyah di Qahirah pada awal kurun kesebelas tidak tepat dan tidak sempurna. Ia ditutup, bukan pada 1122M tetapi pada akhir kurun kesebelas, dan bukan oleh Sultan al-Malik al-Afdal (seorang anggota keluarga Ayyubid yang memerintah bukan di Qahirah tetapi di Damascus, bukan pada awal kurun kedua-belas tetapi dari 1186 hingga 1196), tetapi oleh wazir (yang bernama al-Afdal) yang berkhidmat di bawah beberapa orang khalifah Fatimiyyah. Lebih penting lagi, penulis tidak menyebut bahawa Fatimiyyah yang menubuhkan institusi itu adalah anggota golongan Shi'ah Isma'iliyyah, dan penubuhannya itu khusus bersabit dengan latihan untuk juru perang saraf bagi tujuan sosio-politik-agama. Oleh itu, ia sudah tentu satu usaha yang penting tetapi kepentingannya bukan terletak pada tradisi intelektual aliran utama Islam Sunni. Dakwaannya bahawa sistem pendidikan tinggi Islam dikongkong oleh fundamentalis agama (h. 41) mungkin menunjukkan sikap syak wasangka sarjana agama dan perundangan terhadap disiplin rasional tertentu, tetapi ini sendiri sudah lapuk, dan pembaca mungkin membuat kesimpulan yang tidak wajar.

Pakar sejarah selain daripada pakar Ilmu Islam akan terkeliru dengan kenyataan tentang "*rise of nationalism*" pada kurun kedua-belas dan ketiga-belas (h. 185). Walau apa pun, usaha Stanton masih wajar dipuji, dan sekiranya buku beliau meyakinkan golongan awam tentang kebesaran dan kepentingan tradisi intelektual Islam, ia sudah mencapai satu tujuan penting. Sebagai seorang sarjana Zaman Pertengahan, saya percaya perkara pokok ini seharusnya ditekankan lebih jauh daripada apa yang dilakukan oleh Stanton. Buku beliau khususnya

bab terakhir, berbicara berlandaskan andaian bahawa, dengan semakin pantasnya pergolakan akhir Zaman Pertengahan, maka tradisi budaya dan intelektual yang membuat Islam klasik agung, terhenti dan akhirnya menemui maut. Ini sudah tentu satu pandangan konvensional dan sebahagian daripada hujah yang lebih besar, iaitu, pada satu titik dalam Zaman Pertengahan "*torch of learning* [obor ilmu]" telah berpindah ke Barat. Seperti juga pandangan konvensional yang lain, ia memerlukan semakan. Menyentuh tentang sains tabi'i, kita sebenarnya belum tahu secukupnya akan nasibnya dalam Zaman Pertengahan Islam untuk membuat keputusan mutlak; ilmu terkini lebih condong menegaskan bahawa separuh disiplin seperti astronomi, kekal sebagai objek ilmu yang terus dikaji dengan mendalam. Bagaimana pun dalam aspek lain, lewat Zaman Pertengahan Islam wujud satu zaman kemekaran peradaban besar. Golongan yang muncul daripada Asia Tengah bukanlah tidak begitu berminat dengan tradisi intelektual Islam.

Madrassa yang merupakan maudhu' utama buku ini, berkembang mekar di Qahirah pada kurun keempat-belas dan kelima-belas, mengatasi zaman sebelumnya. Untuk merendahkan Empayar Uthmaniah sebagai satu "*reactionary force*," yang "*kept Islamic higher education culturally and geographically confined*" (h. 185) mungkin mengaburkan dan menyorokkan kemajuan-kemajuan kebudayaan, intelektual dan kesenian yang luar biasa yang dicapai oleh Empayar tersebut pada kurun kelima-belas, keenam-belas dan ketujuh-belas. Dari perspektif lewat kurun kedua-puluh, kita condong untuk menangkap dengan mudah sekali tanda-tanda kemerosotan Islam. Sepatutnya, kita perlu belajar melihat peradaban Islam pra-modern dan kegiatan intelektualnya menurut konteks mereka, sepertimana yang Stanton ingin kita lakukan, dan menghargai tradisi mereka sebagai tradisi yang bersemangat dan bertenaga.

JONATHAN P. BERKEY,  
Mount Holyoke College

Terjemahan  
Rosnani Hashim

#### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Makdisi, G. *The rise of colleges: Institutions of Learning in Islam and the West*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 1981.